

## 350 pelajar USM layak terima bantuan Food Bank Siswa

Nik Hafizul Baharuddin  
08 September 2019 2:51 PM



**SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL** ketika melawat Food Bank Siswa pada Majlis Perasmian Food Bank Siswa Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang hari ini. – BERNAMA

**KUALA LUMPUR 8 Sept.** - Seramai 350 pelajar dari Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang dikenal pasti layak menerima bantuan di bawah Program Food Bank Siswa yang dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Sekretariat Food Bank Malaysia KPDNHEP dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata, sumbangan itu sekali gus meletakkan USM sebagai universiti ke-12 sejak program berkenaan dilancarkan.

"Sunshine Wholesale Mart Sdn. Bhd., 99 Speedmart Sdn. Bhd., Perniagaan Isoon Lii Sdn. Bhd., Chuan Leong & Sons Sdn. Bhd., Chonseng Chan Sdn. Bhd. dan 7-Eleven Malaysia Sdn. Bhd. terlibat sebagai rakan penaja bagi program ini.

"Program ini akan digerakkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan sukarelawan Food Bank USM," kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, pihaknya melalui Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) membuka ruang seluasnya kepada semua pihak untuk turut serta dalam menjayakan program tersebut agar sumbangan diberikan mampu memberikan sinar baharu kepada mahasiswa.

"Ini adalah bagi menangani kos sara hidup yang dihadapi oleh mahasiswa yang kian meningkat.

"KPDNHEP dan YFBM percaya semangat kesukarelawanan yang tinggi dapat dibentuk menerusi program ini dan berharap inisiatif ini dapat diperluaskan ke universiti swasta, maktab perguruan dan politeknik pada masa akan datang," katanya.

Selain USM, program Food Bank Siswa itu turut dilaksanakan di universiti awam lain antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai. - UTUSAN ONLINE

